



PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3938

Faks : 03-8888 3954

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami (24)PMT/UU/4

Tarikh 28 Disember 2015

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI MALAYA
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

**PEMFAILAN SAMAN DALAM KAMAR BAGI PERMOHONAN EX-PARTE UNTUK
KES-KES KEBANKRAPAN DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA**

Dengan hormatnya saya diarah oleh YAA Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa arahan-arahan berikut hendaklah dipatuhi bagi memastikan keseragaman dalam pengendalian kes-kes kebangkrapan di Mahkamah Tinggi Malaya:-

A. PEMFAILAN PERMOHONAN

1. Setiap permohonan *ex-parte* yang dibuat di bawah Akta Kebankrapan 1967 hendaklah difailkan melalui Saman Dalam Kamar bersama affidavit sokongan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 18 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969.
2. Setiap permohonan yang difailkan hendaklah mengandungi satu relif sahaja.
3. Sekiranya terdapat permohonan yang mengandungi dua relif yang berasingan, Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memutuskan satu relif sahaja bagi permohonan yang telah difailkan.

B. PEMFAILAN DERAf PERINTAH

1. Kesemua permohonan yang difailkan hendaklah disertakan dengan deraf perintah berkenaan untuk diluluskan oleh Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar yang memutuskan permohonan tersebut.

2. Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengambil maklum akan Arahan Amalan No. 2 Tahun 1986 berkaitan perkara di atas.
3. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap Arahan Amalan tersebut, Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar mempunyai budi bicara untuk mengenakan kos yang sewajarnya.


C. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ASLAM B ZAINUDDIN)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
PUTRAJAYA

s.k:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YBhg Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YA/YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
PUTRAJAYA

Pengarah Mahkamah Negeri
Semenanjung Malaysia

Ketua Bahagian
Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 15, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR